



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA**

**MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**  
**&**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**TABUNG WAKAF MASJID HIJAU DILANCARKAN BAGI  
TUJUAN PEMBIAYAAN PENERAPAN TEKNOLOGI HIJAU**

---

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Malaysia Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah melancarkan Tabung Wakaf Masjid Hijau. Tabung ini akan membiayai aktiviti dan projek yang dilengkapi dengan teknologi hijau seperti penukaran kepada lampu light-emitting diode (LED), penukaran kepada kipas atau penghawa dingin yang cekap tenaga dan pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) di masjid. Tabung Wakaf Masjid Hijau yang berkonsepkan dana awam (*crowd funding*) ini akan mengumpulkan sumbangan dana diperoleh daripada individu, sektor kerajaan, sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan untuk disalurkan kepada masjid.
2. Tabung Wakaf Masjid Hijau ini adalah susulan daripada program Rumah Ibadat Hijau (RIH) yang telah dilancarkan oleh KASA pada 25 September 2020 yang lalu. Objektif program Rumah Ibadat Hijau (RIH) adalah untuk menjadikan rumah ibadat sebagai pusat pemangkin kelestarian alam sekitar dalam memupuk budaya gaya hidup hijau di kalangan ahli kariah dan sebagai contoh bangunan komuniti yang cekap tenaga, cekap air, mesra alam dan rendah karbon di kawasan setempat.
3. Program Rumah Ibadat Hijau (RIH) ini menekankan kepada 4 elemen hijau iaitu penjimatan tenaga elektrik, penjimatan air, pengurangan sisa dan pengurusan sisa buangan dengan teratur serta menggalakkan pembelian dan penggunaan produk hijau. Menerusi pelaksanaan inisiatif teknologi hijau dan amalan hijau ini, dianggarkan hasil penjimatan adalah sebanyak 10% dalam penggunaan tenaga elektrik dan air dan ini dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 192 kilo tan CO<sub>2</sub> setara yang bersamaan dengan menanam sebanyak 4.8 juta pokok.

4. Merujuk kepada statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sehingga 28 September 2021, terdapat 6,512 buah masjid dan 18,267 buah surau yang berdaftar di Malaysia. Berdasarkan jumlah tersebut, anggaran penggunaan tenaga elektrik dan air di seluruh masjid adalah sebanyak 2,691 GigaWattjam (GWj) dan 146.2 juta meter padu (m<sup>3</sup>) bersamaan dengan kos elektrik sebanyak RM1.3 billion dan air sebanyak RM67.23 juta setahun. Manakala anggaran penggunaan tenaga elektrik dan air di seluruh surau adalah sebanyak 600 GigaWattjam (GWj) dan 102.5 juta meter padu (m<sup>3</sup>) bersamaan dengan kos elektrik sebanyak RM310 juta dan air sebanyak RM47 juta setahun.

5. Inisiatif ini juga secara tidak langsung akan menyokong usaha Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke arah bandar rendah karbon pada tahun 2030. Selain itu, instrumen wakaf akan membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan inisiatif pembiayaan yang inovatif ini berpotensi dijadikan rujukan dan diperluaskan dalam konteks menyediakan alternatif pembiayaan projek-projek teknologi hijau di Malaysia dan menjadi contoh kepada sektor yang lain.

6. KASA amat berbesar hati untuk menyarankan agar lebih banyak penglibatan masjid dan surau dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk turut sama menyokong program ini kerana alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

-Tamat -

**YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN  
TUAN MAN**

Menteri Alam Sekitar dan Air

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN  
HAJI AHMAD**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal  
Ehwal Agama)  
Merangkap Pengerusi Yayasan Waqaf  
Malaysia

18 Oktober 2021